Enakmen Undang-Undang Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 (Hukum Hudud)

I. ENAKMEN UNDANG-UNDANG KANUN JENAYAH SYARIAH (II) 1993 (HUKUM HUDUD) NEGERI KELANTAN.

RANG UNDANG-UNDANG KANUN JENAYAH SYARIAH (II) 1993

SUSUNAN FASAL-FASAL

PERMULAAN

Fasal

1. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa
2. Tafsiran
3. Jenis-jenis kesalahan

BAHAGIAN I

Kesalahan-kesalahan Hudud

4. Jenis-jenis kesalahan hudud
5. Sariqah
6. Hukuman kerana melakukan sariqah
7. Bilakah hukuman hudud tidak boleh dikenakan
8. Hirabah
9. Hukuman hirabah
10. Zina

Fasal

11. Hukuman zina
12. Qazaf
13. Hukuman qazaf
14. Al-li'an
15. Akibat al-li'an
16. Liwat
17. Hukuman liwat
18. Membuktikan liwat
19. Musahaqah
20. Ittiyan almaitah
21. Ittiyan albahimah
22. Syurb
23. Irtidad atau riddah

BAHAGIAN II

Qisos

24. Qisas dan diyat
25. Jenis kesalahan menyebabkan kematian

Fasal

26. Qatl al-'amd
27. Hukuman qat al'amd
28. Pengampunan
29. Ganti kepada hukuman qisos
30. Qatl syibhi al-'amd
31. Hukuman qatl-syibhi al-'amd
32. Qatl al- Khata'
33. Hukuman Qatl al- khata'
34. Menyebabkan kecederaan badan
35. Hukuman kerana menyebabkan kecederaan badan
36. Jenis-jenis kecederaan badan
37. Bilakah hukuman qisos tidak boleh dikenakan
38. Akibat apbila hukuman qisos tidak dikenakan

BAHAGIAN III

Keterangan

39. Bagaimana membuktikan kesalahan
40. Bilangan saksi-saksi

Fasal

41. Syarat-syarat menjadi saksi
42. Keadaan keterangan
43. Menarik balik keterangan
44 Iqrar
45. Menarik balik iqrar
46. Keterangan Qarinah
47. Ta'zir sebagai ganti hukuman hudud apabila keterangan tidak mencukupi untuk membuktikan kesalahan hudud

BAHAGIAN IV

Bagaimana dilaksanakan

48. Hukuman hudud tidak boleh diubah
49. Pengesahan hukuman sebelum pelaksanaan
50. Pemeriksaan pegawai perubatan sebelum dilaksanakan hukum hudud
51. Bagaimana hendak melaksanakan beberapa hukum hudud
52. Cara memotong tangan dan kaki
53. Cara melaksanakan hukuman sebat
54. Hukuman rejam ditangguhkan bagi perempuan yang hamil dan menyususkan anak

Fasal

55. Hukuman sebab ke atas perempuan yang hamil

BAHAGIAN V

Peruntukan Umum

56. Pemakaian enakmen ini
57. Persubahatan dan komplot
58. Niat bersama
59. Sariqah berkumpulan
60. Mencuba melakukan kesalahan
61. Proseding dibawah kanun kesiksaan tidak boleh diambil
62. Pemakaian hukum syarak dalam tafsiran

BAHAGIAN VI

Mahkamah

63. Mahkamah bicara syariah khas dan mahkamah rayuan syariah khas
64. Mahkamah bicara syariah khas dan mahkamah rayuan khas adalah tambahan kepada mahkamah syariah
65. Pemakaian enakmen acara jenayah syariah 1983

Fasal

66. Mahkamah bicara syariah khas
67. Mahkamah rayuan syaraiah khas
68. Kelayakan menjadi hakim
69. Perlantikan hakim-hakim
70. Kebebasan kehakiman
71. Pemegang jawatan
72. Gaji, elaun dan keistimewaan lain hakim-hakim

JADUAL I
JADUAL II
JADUAL III
JADUAL IV
JADUAL V

Enakmen Undang-undang
Bernama
Suatu enakmen untuk melaksanakan Undang-Undang Jenayah Syariah

[ ]

ADALAH DENGAN INI DIPERBUAT UNDANG-UNDANG
oleh Badan Perundangan Negeri Kelantan seperti berikut:

PERMULAAN

1. Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan melalui pemberitahuan dalam Warta.

2 (1) Dalam Enakmen ini melainkan konteksnya menghendak makna yang lain:

"***anak***"
termasuklah cucu dan keturunan di bawahnya atau selepasnya:

"***diyat***"
maknanya suatu jumlah wang atau harta yang dikenakan bayarannya sebagai pampasan kerana kematian atau kehilangan akal atau

kecederaan anggota yang sempurna atau kecederaan anggota yang berpasangan atau kehilangan fungsi anggota-anggota tersebut yang telah dilakukan ke atas seorang mangsa jenayah. Jumlah satu diyat ialah bersamaan dengan harga emas semasa seberat 4.450 gram atau suatu jumlah yang akan ditetapkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan dari semasa kesemasa mengikut hukum Syarak;

"hakim"
maknannya hakim yang dilantik di bawah bahagian VI;

"irsy"
maknanya suatu jumlah wang atau harta atau sebahagian daripada diyat yang dikenakan bayarannya sebagai pampasan kerana kecederaan (jurh) yang dilakukan ke atas seorang mangsa jenayah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual II, III dan iV;

"Jumaah Ulama"
maknanya Jumaah Ulama yang ditubuhkan di bawah seksyen 12 Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1966;

"Mahkamah"
maknanya Mahkamah Bicara Syariah Khas dan Mahkamah Rayuan Khas yang ditubuhkan di bawah Bahagian IV;

"***penjara***"
termasuklah perintah menghadkan seseorang pesalah tinggal dalam satu kawasan atau daerah dalam negeri;

"mohsan" dan "ghairu mohsan"
maknanya adalah sama seperti yang ditakrifkan dalam seksyen 10 (2);

"mukallaf"
maknanya seseorang yang sudah mencapai umur 18 tahun dan sempurna akalnya;

"nisab"
maknannya suatu jumlah wang yang bersamaan dengan harga emas semasa seberat 4.45 gram atau suatu jumlah wang yang akan ditetapkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-sultan dari semasa ke semasa mengikut hukum Syarak;

"qisos"
maknanya hukuman balas balik dan persamaan yang digunakan untuk menghukum kesalahan melakukan kematian dan cedera jasmani seseorang;

"***Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri***"
maknanya Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri yang ditubuhkan di bawah Perkara XI Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan (Bahagian Pertama);

"wali"
maknannya waris mangsa jenayah yang berhak memaafkan pesalah yang melakukan kesalahan ke atas mangsa jenayah itu;

(2) Bagi mengelakan keraguan tentang identiti perkataan atau perbahasan yang digunakan dalam Enakmen ini yang disenaraikan dalam Jadual I, rujukan bolehlah dibuat kepada skrip Bahasa Arab perkataan-perkataan dan perbahasan itu yang ditunjukan bersententangan dengannya dalam Jadual itu;

(3) Semua perkataan, perbahasan, tafsiran dan rangkaikata yang digunakan dalam Enakmen ini tetapi tidak ditakrifkan di dalamnya, hendaklah disifatkan mempunyai makna yang diberterhadapnya dalam Akta Tafsiran 1948 dan 1967 jika tidak bertentangan dengan hukum syarak.

(4) Melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain apa-apa rujukan dalam Enakmen ini mengenai sesuatu Bahagian atau seksyen atau sub seksyen atau jadual tertentu adalah rujukan mengenai sesuatu Bahagian atau seksyen atau subseksyen atau jadual tertentu dalam Enakmen ini.

3. Semua kesalahan dibawah Enakmen ini adalah dibahagikan kepada tiga jenis iaitu;

(a) Kesalahan-kesalahan yang mana hukumannya telah ditetapkan oleh Al-Quran Al-Karim dan Sunnah. Kesalahan-kesalahan ini dipanggil dengan nama kesalahan-kesalahan hudud dan hukumannya dinamakan hudud;

(b) Kesalahan-kesalahan yang tertakluk kepada qisos yang juga ditetakan oleh Al-Quran Al-Karim dan Sunnah; kesalahan-kesalahan ini dinamakan kesalahan-kesalahan qisos dan hukumannya dinamakan hukuman qisos; dan

(c) Kesalahan-kesalahn yang lain daripada kesalahan-kesalahan hudud dan kesalahan-kesalahan qisos, tetapi hukumannya diserahkan kepada budi bicara Badan Perundangan atau mengikut Enakmen ini, hukumannya diserahkan kepada budi bicara mahkamah. Kesalahan-kesalahan ini dinamakan kesalahan-kesalahan ta'zir dan hukuman dinamakan hukuman ta'zir.

Dengan syarat bahawa apabila sesuatu kesalahan hudud atau qisos tidak boleh dihukum dengan hukuman hudud atau hukuman qisos kerana tidak dapat memenuhi syarat-syarat yang dikehendaki bagi hukuman-hukuman itu, maka kesalahan itu adalah menjadi kesalahan ta'zir dan hendaklah ia menghukumkan demikian.

BAHAGIAN I
Kesalahan-kesalahan hudud

4. **Kesalahan-kesalahan hudud adalah seperti berikut:**
   (a) Sariqah (mencuri).

   (b) Hirabah (merompak).

   (c) Zina (melakukan persetubuhan haram).

   (d) Qazaf (membuat tuduhan bahawa seseorang itu melakukan zina yang mana tuduhan itu tidak dapat dibuktikan dengan empat orang saksi.

   (e) Syurb (meminum arak atau minuman yang memabukan).

   (f) Irtidad atau Riddah (keluar dari ugama Islam).

5. Sariqah adalah perbuatan memindah dengan cara bersembunyi harta alih kepada jagaan atau milikkan tuannya tanpa persetujuan tuannya yang mana perbuatan itu dilakukan dengan niat hendak menghilangkan harta itu daripada jagaan atau milikkan tuannya.

6. Sesiapa melakukan sariqah, melainkan dalam keadaan yang inyatakan dalam seksyen 7, hendaklah dihukum dengan hukuman hudud seperti berikut;

(a) Bagi kesalahan pertama dengan dipotongkan tangan kanannya

(b) Bagi kesalahan yang kedua dengan dipotong tangan kirinya; dan

(c) Dari kesalahan-kesalahn yang ketiga dan berikutnya dengan dipenjarakan selama tempoh yang difikirkan patut oleh mahkamah untuk menjadikan pesalah sedar dan sesal.

7 Hukuman hudud kerana kerana kesalahan sariqah tidak boleh dikenakan dalam keadaan yang berikut:

(a) Apabila nilai harta yang dicuri itu kurang daripada nisab;

(b) Apabila kesalahan itu tidak dapat dibuktikan dengan keterangan yang dikehendaki dibawah peruntukan-peruntukan bahagian Bahagian III

(c) Apabila kesalahan itu bukan mukallaf

(d) Apabila tuan punya harta yang dicuri itu tidak mengambil langkah yang cukup untuk menjaga harta itu daripada kena curi, memandangkan kepada keadaan harta itu dan tempat yang disimpan atau ditinggalkan;

(e) Apabila pesalah itu belum lagi mendapat milik yang sepenuhnya terhadap harta yang dicuri itu, walaupun tuanpunya tidak lagi mempunyai jagaan dan milikan ke atas harta tersebut;

(f) Apabila harta yang dicuri adalah daripada jenis harta yang tidak bernilai dan boleh didapati dengan banyaknya merata-rata tempat ataupun jenis harta yang sudah musnah

(g) Apabila harta yang dicuri tidak mempunyai apa-apa nilai mengikut hukum syarak seperti minuman yang memabukan atau alat-alat hiburan;

(h) Apabila kesalahan mencuri itu dilakukan oleh pemberi hutang ke atas harta orang yang berhutang dengannya yang enggan membayar hutang itu:

Dengan syarat bahawa nilai harta yang dicuri tidak melebihi jumlah hutang atau nilai harta yang dicuri itu melebihi jumlah hutang, tetapi tidak melebihi nisab.

(i) Apabila kesalahan itu dilakukan dalam keadaan yang amat mendesak, seperti perang, kelaparan, penyakit dan bencana alam;

(j) Apabila kesalahan itu berlaku dalam keluarga seperti isteri mencuri daripada suaminya dan sebaliknya atau anak mencuri daripada bapanya dan sebaliknya.

(k) Apabila kesalahan itu dilakukan oleh sekumpulan orang yang mana bahagian yang diperolehi oleh tiap-tiap seorang daripada kesalahan itu setelah dibahagikan harta yang dicuri atau hasilnya sesama mereka adalah kurang daripada nisab;

(l) Apabila kesalahan itu mengembalikan harta yang dicuri itu sebelum hukuman hudud dilaksanakan

(m) Apabila tuanpunya harta yang dicuri itu tidak mengaku bahawa harta yang telah dicuri, walaupun pesalah itu membuat iqrar mencurinya;

(n) Apabila pesalah itu membuat bantahan yang boleh diterima oleh hukum syarak terhadap saksi-saksi; dan

(o) Apabila harta yang dicuri itu atau keadaan dalam mana kesalahan itu dilakukan mengikut hukum syarak tidak ada hukuman hudud yang dikenakan ke atasnya.

8. Hirabah adalah perbuatan merampas harta orang lain dengan ke kerasan atau dengan ugutan hendak digunakan kekerasan yang dilakukan oleh seseorang atau sekumpulan orang-orang yang bersenjatakan apa-apa senjata atau alat yang boleh digunakan sebagai senjata.

9. Sesiapa melakukan hirabah hendaklah dihukum dengan hukuman hudud seperti berikut:

(a) Dihukum bunuh dan selepas itu disalibkan jika mangsa kesalahan itu dibunuh dan hartanya atau harta orang lain diambil;

(b) Dihukum bunuh sahaja, jika mangsa kesalahan itu dibunuh dengan tidak ada apa-apa harta yang diambil;

(c) Dihukum potong tangan kanan dan kaki kirinya, jika harta sahaja yang diambil dengan tidak menyebabkan kematian mangsa atau mencederakannya; tetapi sekiranya harta-harta diambil dan kecederaan dilakukan keatas mangsanya, maka diyat atau irsy hendaklah dibayar sebagai tambahan kepada hukuman potong tangan dan kaki yang mana jumlah diyat atau irsy itu hendaklah tertakluk kepada apa yang munasabah memandangkan kepada jenis dan keadaan kecederaan yang dilakukan itu sebagaimana yang ditentukan dalam jadual II,III dan IV; dan

(d) Dipenjarakan selama tempoh yang difikirkan patut oleh Mahkamah yang akan membawa pesalah itu kepada kesedaran dan kesesalan, sekiranya ugutan sahaja digunakan dengan tidak mengambil apa-apa harta atau tidak menyebabkan apa-apa kecederaan.

10. (1) Zina adalah suatu kesalahan yang merupakan persetubuhan diantara seorang lelaki dengan seorang perempuan yang bukan pasangan suami isteri dan persetubuhan itu tidak termasuk dalam takrif "wati syubhah" sebagaimana yang dinyatakan dalam sub seksyen (3).

(2) Jika pesalah itu sudah berkahwin dengan sah dan telah menik mati persetubuhan dalam perkahwinan itu, maka pesalah itu dinamakan "mohsan" tetapi apabila pesalah itu belum berkahwin atau sudah berkahwin tetapi belum merasai nikmat persetubuhan dalam perkahwinan itu maka pesalah itu dinamakan "ghairu mohsan".

(3) Wati syubhah ialah persetubuhan yang dilakukan oleh seorang lelaki dengan seorang perempuan yang bukan isterinya dan perse tubuhan itu dilakukan-

(a) Dalam keadaan yang meragukan dalam mana dia menyangka bahawa perempuan yang disetubuhinya itu ialah isterinya, sedangkan perempuan itu bukan isterinya, atau

(b) Dalam keadaan yang meragukan dalam mana dia menyangka bahawa perkahwinan dengan perempuan yang disetubuhi olehnya itu adalah sah mengikut hukum syarak, sedangkan pada hakikatnya perkahwinannya itu adalah tidak sah.

11. (1) Jika pesalah yang melakukan zina itu mohsan, maka pesalah itu hendaklah dihukum dengan hukum rejam, iaitu dilontar dengan batu yang sederhana besarnya sehingga mati.

(2) Jika pesalah yang melakukan zina itu ghairu mohsan,maka pesalah itu hendaklah dihukum dengan hukuman sebat sebanyak seratus sebatan dan sebagai tambahan hendaklah dipenjara selama satu tahun.

12. (1) Qasaf ialah sesuatu kesalahan membuat tuduhan zina yang di buktikan oleh empat orang saksi, terhadap seseorang Islam yang akil baligh dan dikenali sebagai seorang yang bersih diri daripada kelakuan zina.

(2) Qasaf juga boleh dilakukan dengan membuat suatu pernyataan dengan membuat sesuatu pernyataan dengan cara yang nyata seperti menyatakan bahawa seseorang itu telah melakukan zina atau dengan cara tersirat seperti menyatakan bahawa seseorang itu bukannya bapa ataupun bukannya anak kepada seseorang yang tertentu.

(3) Pernyataan di bawah subsekyen (2) adalah dianggapkan sebagai qasaf melainkan ia dibuktikan dengan empat orang saksi lelaki, dan jika pernyataan itu tidak boleh dibuktikan sedemikian maka orang yang membuat tuduhan itu adalah melakukan kesalahan qasaf; tetapi sekiranya pernyataan itu dibuktikan, maka orang yang terhadapnya kenyataan itu dibuat adalah melakukan kesalahan zina.

(4) Sesuatu pernyataan di bawah subsekyen (2) adalah dianggap tidak terbukti, sekiranya seseorang atau beberapa orang saksi yang berempat yang dipanggil untuk memberi keterangan menyokong pernyataan itu enggan memberi keterangan atau jika

keterangan itu diberi,keterangan itu bercanggah dengan per nyataan itu; dan dalam hal yang seperti itu maka tiap-tiap orang saksi yang memberi keterangan yang menyokong pernyataan itu hendaklah dianggapkan telah melakukan kesalahan Qasaf.

13. Sesiapa yang melakukan kesalahan qasaf hendaklah dihukum dengan hukuman sebat sebanyak lapan puluh kali sebatan dan keterangan sebagai saksi tidak boleh diterima lagi sehingga dia bertaubat atas perbuatannya itu.

14. (1) Al-li'an ialah suatu tuduhan zina secara bersumpah yang dibuat oleh seseorang suami terhadap isterinya pula dengan secara bersumpah menolak tuduhan itu, yang mana tuduhan itu dan penolakannya adalah dibuat dihadapan seorang hakim dengan menyebut kata-kata yang menurut hukum syarak cukup untuk membuktikan al-li'an dan kata-kata itu hendaklah seperti terkandung dalam subseksyen (2).

(2) Suami yang membuat tuduhan itu hendaklah melafazkan em pat kali berturut-turut lafaz berikut:

"Aku bersaksi dengan Allah bahawa bercakap benar bahawa aku menuduh isteriku .....berzina"

(3) Apabila genap empat kali dia mengulang lafaz yang terkandung dalam subseksyen (2) maka dia hendaklah menyebut lafaz yang kelima dengan berkata :" La'nat Allah akan jatuh ke atasku seki-ranya aku bercakap bohong"

(4) Bagi menolak tuduhan itu, maka isterinya hendaklah pula melafazkan empat kali berturut-turut lafaz yang berikut:

"Aku bersaksi dengan Allah bahawa suamiku.....adalah berbohong membuat tuduhan zina ke atasku"

(5) Apabila genap empat dia mengulang-ulangkan lafaz yang dinyatakan dalam subseksyen (4) maka dia hendaklah menyebut lafaz yang kelima dengan berkata:

"Kemurkaan Allah akan jatuh ke atasku sekiranya suamiku bercakap benar"

(6) Jika isteriku telah melahirkan anak atau sedang hamil yang dianggap sebagai hasil daripada zina yang dituduh oleh suaminya,

maka suami itu hendklah menafikan menjadi bapa kepada anak yang sudah dilahirkan atau yang masih dikandung itu dengan menambah kepada lafaz dibawah subseksyen (2) yang mesti diulang empat kali sebutannya, lafaz yang berikut:

" Bahawa anak ini / apa yang dikandung oleh isteriku bukanlah daripada aku"

15. Apabila suatu pasangan suami isteri melakukan al-li'an untuk menyelesaikan tuduhan zina di antara mereka berdua, maka suaminya tidaklah bersalah melakukan qazaf dan isterinya tidaklah pula bersalah melakukan zina; dan kedua-duanya terlepas daripada hukuman bagi kesalahan tersebut; tetapi perkahwinan mereka dengan secara sendirinya dan serta merta menjadi bubar, dan hakim hendaklah menceraikan mereka, dan pasangan itu selama-lama tidak boleh berkahwin semula dan jika selepas itu melakukan persetubuhan, maka perbuatan itu adalah haram dan persetubuhan itu adalah zina.

16. Liwat ialah suatu kesalahan yang merupakan persetubuhan dian tara seorang lelaki dengan seorang lelaki yang lain atau seorang lelaki dengan seorang perempuan selain daripada isterinya yang dilakukan diluar tabi'i iaitu melalui dubur.

17. Sesiapa melakukan kesalahan liwat (ini) hendaklah dihukum dengan hukuman yang sama seperti yang ditetapkan bagi zina.

18. Kesalahan liwat hendaklah dibuktikan dengan cara yang sama dengan cara yang dikehendaki untuk membuktikan zina.

19. (1) Musahaqah adalah suatu kesalahan ta'zir yang merupakan satu perbuatan memuaskan nafsu sek di antara dengan seorang perempuan dengan seorang perempuan dengan menggeselkan faraj dengan faraj mereka berdua dan hukumannya terletak pada budibicara mahkamah.

(2) Kesalahan itu bolehlah dibuktikan dengan cara yang dikehendaki untuk membuktikan kesalahan ta'zir.

20. Ittiyan almaitah ialah satu kesalahan kerana melakukan persetubuhan dengan mayat, samada mayat itu mayat lelaki atau mayat perempuan, dan jika mayat itu perempuan samada mayat itu isteri pesalah itu atau mayat perempuan yang lain dan sesiapa yang melakukan kesalahan itu bolehlah dihukum dengan hukuman

ta'zir dengan dipenjarakan selama tempoh yang tidak melebihi lima tahun.

21. Ittiyan albahimah ialah satu kesalahan kerana melakukan persetubuhan dengan binatang; dan sesiapa yang melakukan kesalahan ini bolehlah dihukum dengan hukuman ta'zir dengan dipenjarakan tidak melebihi daripada lima tahun.

22. (1) Syurb adalah kesalahan meminum arak atau sebarang minuman yang memabukan; dan sesiapa yang melakukan kesalahan ini, samada ia mabuk atau tidak, dan tanpa mengira kuantiti yang di minumnya hendaklah dikenakan hukuman sebat yang tidak melebihi lapan puluh kali sebatan dan tidak kurang daripada empat puluh kali sebatan.

(2) Kesalahan itu bolehlah dibuktikan dengan keterangan lisan yang diberi oleh dua orang saksi atau dengan iqrar yang dibuat oleh tertuduh itu sendiri sebagai yang ditunjukan dalam bahagian III.

23. (1) Irtidad ialah apa-apa perbuatan yang dilakukan atau perkataan yang disebutkan oleh seorang Islam yang mukallaf yang mana perbuatan atau perkataan itu mengikut hukum syarak adalah menjejaskan atau berlawanan dengan aqidah agama Islam:

Dengan syarat bahawa perbuatan yang dilakukan atau perkataan itu disebutkan dengan niat dengan sukarela dengan pengetahuan dan tanpa apa-apa paksaan oleh sesiapa atau oleh keadaan.

(2) Perbuatan-perbuatan atau perkataan-perkataan yang menjejaskan aqidah itu adalah perbuatan-perbuatan atau perkataan-perkatan mengenai atau bersabit dengan perkara-perkara asas yang dianggap mesti diketahui dan dipercayai oleh tiap-tiap orang-orang Islam sebagai pengetahuan umumnya kerana dia orang Islam seperti perkara-perkara mengenai rukun Islam, rukun iman dan perkara-perkara halal dan haram.

(3) Sesiapa yang disabitkan melakukan kesalahan irtidad, hendaklah sebelum dijatuhkan hukuman ke atasnya dikehendaki oleh mahkamah supaya bertaubat dalam tempoh yang tidak kurang daripada tiga hari setelah dia didapati bersalah.

(4) Sekiranya dia enggan bertaubat dan masih berterusan dengan pendiriannya terhadap perbuatan yang dilakukan atau perkataan yang disebutkan itu, maka mahkamah adalah mengisytiharkan hukuman bunuh ke atasnya dan memerintahkan supaya hartanya samada diperolehi sebelum atau selepas dia melakukan kesalahan itu dirampas untuk dipegang bagi baitulmal:

Dengan syarat bahawa sekiranya dia bertaubat samada sebelum dijatuhkan hukuman bunuh ke atasnya atau selepas dijatuhkan hukuman itu, maka hendaklah dia terlepas daripada hukuman bunuh dan hartanya yang dihukum rampas hendaklah dipulangkan kepadanya.

Dengan syarat selanjutnya bahawa dia hendaklah dipenjarakn selama tempoh yang tidak melebihi lima tahun.

BAHAGIAN II
Qisos

24. Qisos dan diyat kedua-duanya hendaklah dikenakan ke atas kesalahan-kesalahan yang menyebabkan kematian manusia dan menyebabkan kecederaan badan.

25. Mematikan manusia adalah terbahagi kepada tiga jenis :

    (a) qatl-al-'amd (menyebabkan kematian dengan sengaja hendak membunuh);

    (b) qatl-syibhi-'amd (menyebabkan kematian menyerupai qatl-al'amd)

    (c) qatl-al-khata (menyebabkan kematian dengan tidak sengaja)

26. (1) Sesiapa yang menyebabkan kematian seseorang dengan melakukan sesuatu perbuatan dengan niat untuk menyebabkan kematian atau kecederaan badan yang pada kebiasaanya memadai atau mungkin akan menyebabkan kematian; atau dengan melakukan sesuatu perbuatan dengan penegtahuan bahawa perbuatan itu adalah sebegitu sekali berbahaya hingga mungkin sekali menyebabkan kematian, adalah melakukan qatl-al'amd.

(2) Sesiapa melakukan sesuatu perbuatan dengan niat atau dengan pengetahuan bahawa perbuatannya mungkin akan menyebabkan kematian, telah menyebabkan kematian mana-mana orang yang kematiannya dia tidak berniat untuk menyebabkan atau tidak tahu mungkin akan menyebabkan, adalah juga melakukan qatl-al-'amd.

27. (1) Kecuali seperti yang memperuntukkan dibawah subseksyen (2), sesiapa melakukan qatl-al-'amd hendaklah dihukum bunuh sebagai hukuman qisos.

hukuman bunuh di bawah subseksyen (1) tidak dikenakan apabila-

(a) kesalahanitu tidak dibuktikan dengan keterangan yang dike hendaki dibawah Bahagian III;atau

(b) walaupun ada bukti itu, tetapi wali telah meremit hukuman qisos itu.

28. Seseorang wali itu boleh pada bila-bila masa sebelum hukuman bunuh sebagai hukuman qisos dijalankan, mengampunkan pesalah itu sama dengan membayar diyat atau tidak; dan sekiranya pengampunan itu diberi dengan bayaran diyat, maka diyat itu hendaklah dibayar dengan sekali gus sahaja atau dengan beransur-ansur dalam tempoh tiga tahun mulai daripada tarikh keputusan yang terakhir dan sekiranya dalam tempoh itu pesalah itu mati maka diyat itu hendaklah dibayar daripada pesaka pesalah itu.

29. Apabila hukuman bunuh sebagai hukuman qisos tidak boleh dikenakan, maka pesalah itu bolehlah dikenakan hukuman ta'zir dengan dipenjarakan seumur hidup atau tertakluk kepada hal keadaan kes seberapa lama yang difikirkan oleh mahkamah akan membawa pesalah itu kepada kesedaran dan penyesalan .

30. Sesiapa dengan niat hendak melakukan kecederaan kepada tubuh badan dan akal fikiran seseorang telah menyebabkan orang itu atau orang lain mati dengan melakukan suatu perbuatan sama ada dengan menggunakan senjata atau tidak dan perbuatan itu pada kebiasaannya tidak mungkin menyebabkan kematian, adalah melakukan qatl-syibhi-al-'amd.

31. Sesiapa melakukan qatl-syibhi-al'amd hendaklah membayar diyat kepada wali mangsanya dan sebagai tambahan bolehlah dikenakan hukuman ta'zir dengan dipenjarakan bagi suatu tempoh yang tidak melebihi empat belas tahun.

32. Sesiapa tanpa niat hendak menyebabkan kematian atau kecederaan telah menyebabkan kematian seseorang dengan melakukan suatu perbuatan yang tidak disangka boleh menyebabkan orang itu atau orang lain mati, atau dengan melakukan suatu perbuatan salah yang kemudiannya telah menjadi sebab kepada kematian orang itu, adalah melakukan qatl-al-khata'

33. Sesiapa melakukan qatl-al-khata' hendaklah membayar diyat kepada wali mangsa kesalahan itu dan boleh dikenakan hukuman ta'zir dengan dipenjarakan selama satu tempoh yang tidak melebihi sepuluh tahun.

34. Sesiapa menyebabkan kesakitan,mudarat, penyakit, kelemahan atau kecederaan kepada seseorang, atau melemahkan atau mero sakkan atau menghilangkan fungsi sesuatu anggota tubuh badan seseorang atau sebahagian daripadanya dengan tidak menyebab kan kematian orang itu, hendaklah dikatakan telah menyebabkan kecederaan badan.

35. (1) Sesiapa menyebabkan kecederaan badan kepada seseorang maka dia hendaklah dihukum dengan hukuman qisos iaitu dengan dikenakan kecederaan yang sama seperti kecederaan yang telah dilakukan qisos itu tidak dapat dikenakan atau tidak dapat dilaksanakan dengan sebab syarat-syarat yang dikehendaki oleh hukum syarak tidak dipenuhi maka pesalah itu hendaklah membayar irsy kepada mangsanya dan bolehlah dikenakan hukuman ta'zir dengan dipenjarakan.

(2) Banyaknya irsy yang mesti dibayar dan tempoh hukuman penjara yang akan dikenakan hendaklah mengikut apa yang ditetapkan oleh hukum syarak, dan hendaklah berbeza-beza mengikut keadaan dan keparahan dan jenis kecederaan yang dilakukan kepada mangsanya dan juga keadaan dalam mana kesalahan itu dilakukan.

36. Bagi tujuan menjatuhkan hukuman , kecederaan badan hendaklah dibahagikan seperti berikut:

(a) itlaf-al-udhw (menyebabkan putus mana-mana anggota badan atau kecederaan sesuatu bahagian atau anggota tubuh badan atau kecederaan sesuatu bahagian atau anggota tubuh badan);

(b) itlaf-solahiyyatu-al-udhw (menyebabkan kebinasaan atau kelemahan selama-lamanya fungsi atau kegunaan sesuatu anggota badan, atau merosakan rupa anggota itu selama-lamanya.

(c) Syajjah (menyebabkan kecederaan dikepala atau muka yang mana kecederaan itu tidak termasuk dalam takrif itlaf-al-udhw atau itlaf solahiyyatu-al-udhw);

(d) Jurh (menyebabkan luka pada mana-mana bahagian badan selain daripada kepala dan muka yang mana luka itu meninggalkan satu tanda atau parut samada sementara atau kekal); dan

(e) Kesemua badan yang lain

37. Hukuman qisos tidak boleh dikenakan dalam kes-kes yang berikut:

(a) Apabila pesalah yang melakukan kesalahan qisos itu mati;

(b) Apabila anggota yang hendak dikenakan hukuman qisos itu sudah tidak berfungsi atau tidak berupaya lagi;

(c) Apabila kemaafan diberi oleh mangsa pesalah itu atau oleh walinya; atau

(d) Apabila penyelesaian (solh) atau persetujuan di antara mangsa dan pesalah telah dibuat.

38. Apabila hukuman qisos tidak dikenakan maka:

(a) Tempoh hukuman penjara sebagai hukuman ta'zir kerana melakukan itlaf-al-udhw dan itlaf-solahiyyatu-al-udhw adalah sepuluh tahun dan irsy yang dikenakan bayarannya kerana melakukan kecederaan itu hendaklah sebagaimana yang ditentukan dalam jadual II

(b) Tempoh hukuman penjara sebagai hukum ta'zir dan irsy yang dikenakan bayarannya kerana melakukan syajjah hendaklah sebagaimana yang di tentukan dalam jadual III; dan

(c) Tempoh hukuman penjara sebagai hukum ta'zir dan irsy yang akan dikenakan bayarannya kerana melakukan jurh hendaklah seperti yang ditentukan dalam jadual IV .

BAHAGIAN III
Keterangan

39. (1) Kecuali jika ada percanggahan dengan peruntukan yang ada dalam Enakmen ini, maka Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah 1991 hendaklah dipakai untuk membuktikan kesalahan-kesalahan dibawah Enakmen ini.

(2) Semua kesalahan dibawah Enakmen samada kesalahan hudud atau kesalahan qisos, atau kesalahan ta'zir hendaklah dibuktikan dengan keterangan lisan atau iqrar yang dibuat oleh tertuduh.

40. (1) Bilangan saksi-saksi yang dikehendaki untuk membuktikan semua kesalahan dibawah Enakmen ini melainkan zina, hendaklah sekurang-kurangnya dua orang.

(2) Bilangan saksi-saksi yang dikehendaki untuk membuktikan kesalahan hendaklah tidak kurang daripada empat orang

41. (1) Tiap-tiap orang saksi hendaklah terdiri daripada seorang lelaki Islam yang akil baligh hendaklah seorang yang adil

(2) Seseorang itu adalah dianggap adil jika ia menunaikan apa-apa yang disuruh oleh Islam dan menjauhi daripada dosa-dosa besar atau tidak mengekalkan dosa-dosa kecil dan juga mempunyai isti'mal al-muru'ah (perasaan dan pendirian menghormati diri)

(3) Seseorang itu adalah dianggap adil, sehingga sebaliknya dibuktikan.

42. (1) Untuk membuktikan tuduhan terhadap tuduhan dan menyebabkan dia boleh dihukum dengan hukuman hudud dan qisos, keterangan yang diberi hendaklah benar-benar terang dan tidak ada apa-apakesamaran dan keraguan.

(2) Tiap-tiap saksi hendaklah dengan terang menyatakan bahawa dia benar-benar melihat perbuatan yang didakwakan itu dan dalam kes zina pula keempat-empat orang saksi itu hendaklah menyatakan bahawa mereka benar-benar melihat kemasukan zakar lelaki kedalam faraj perempuan pasangan yang bersetubuh dan hendaklah jangan ada perselisihan dan pertelingkahan diantara saksi-saksi didalam keterangan itu.

43. (1) Untuk menyebabkan hukuman hudud dikenakan kepada tertuduh setiap saksi itu hendaklah berdiri teguh di atas keterangan terhadap tertuduh itu bukan saja dalam masa perbicaraan dan selepasnya tetapi juga pada ketika hukuman itu dilaksanakan, kerana jika keterangan itu ditarik balik sebelum hukuman itu dilaksanakan maka tertuduh itu tidak lagi dikenakan hukuman hudud dan jika keterangan ditarik balik ketika tertuduh sedang menjalani hukuman maka hukuman itu serta merta dihentikan.

(2) Dalam kes zina jika seseorang saksi itu enggan memberi keterangan, atau memberi keterangan berlawanan dengan tuduhan, atau memberi keterangan menyokong tuduhan itu tetapi kemudiannya menarik balik keterangan itu yang mana dengan sebab itu bilangan saksi yang menyokong tuduhan itu menjadi kurang menjadi empat orang, maka tuduhan zina terhadap tertuduh itu tidaklah terbukti, dan yang demikian tertuduh itu adalah terlepas daripada hukuman hudud. Tetapi saksi-saksi yang telah memberikan keterangan menyokong tuduhan itu adalah bersalah kerana melakukan kesalahan qazaf.

44. (1) Sebaik-baik keterangan untuk menyabitkan tertuduh dan menyebabkan dia boleh dihukum dengan hukuman hudud ialah iqrarnya sendiri.

(2) Iqrar itu hendaklah dibuat dengan sukarela dan tanpa apa-apa paksaan terhadap seorang pegawai kehakiman dan kemudiannya diulangi dihadapan pada masa perbicaraan dijalankan; dan jika perbicaraan itu mengenai kes zina maka iqrar itu hendaklah diulangi sebanyak empat kali dihadapan hakim pada masa perbicaraan dijalankan;

Dengan syarat bahawa iqrar itu hendaklah dibuat dan diulangi dengan tidak ada apa-apa ugutan, janji atau dorongan; dan hendaklah dengan nyatanya membuktikan secara terperinci

bahawa tertuduh itu benar-benar telah melakukan kesalahan yang dengannya itu telah dituduh, dan dia faham bahawa dia akan dihukum kerana membuat iqrar itu.

(3) Iqrar itu hanyalah boleh diterima sebagai keterangan terhadap tertuduh yang membuat iqrar itu sahaja yang tidak boleh digunakan terhadap orang lain; dan untuk menjadikanya sah maka iqrar itu hendaklah bukan satu iqrar yang ditarik balik.

45. (1) Sesuatu iqrar itu boleh ditarik balik oleh tertuduh yang membuatnya pada bila-bila masa sahaja; meskipun pada ketika dia sedang menjalani hukuman.

(2) Jika sesuatu iqrar itu ditarik balik sebelum dilaksanakan hukuman ke atasnya maka tertuduh itu tidak lagi boleh dikenakan hukuman itu, dan jika dia menarik balik iqrar itu pada ketika dia menjalani hukuman, maka hukuman itu hendaklah dengan serta merta diberhentikan.

(3) Jika pada bila-bila masa sebelum atau pada ketika hukuman dilaksanakan, tertuduh itu dapat melarikan diri daripada pihak yang berkuasa, maka dia hendaklah dianggap sebagai telah menarik balik iqrar itu; dan yang demikian peruntukan subseksyen (2) hendaklah terpakai.

46. (1) Kecuali seperti yang diperuntukkan dalam sub seksyen (2) dan (3) keterangan qarinah walaupun berkaitan hendaklah tidak boleh dijadikan satu cara yang sah untuk membuktikan kesalahan hudud.

(2) Dalam perkara zina, kehamilan atau kelahiran anak oleh seseorang perempuan yang tidak mempunyai suami hendaklah menjadi keterangan yang boleh mendapatinya bersalah melakukan zina dan yang demikian hukuman hudud ke atasnya hendaklah dikenakan melainkan jika dapat membuktikan sebaliknya.

(3) Dalam perkara minum arak atau sebarang minuman yang memabukan, bau minuman yang didapati dalam nafas tertuduh itu atau muntahnya yang mengeluarkan arak atau sebarang minuman yang memabukkan atau apa-apa kesan darinya ataupun pemerhatian mahkamah kepada keadaan tertuduh itu bahawa dia sedang berada dalam keadaan mabuk, hendaklah boleh

diterima sebagai keterangan untuk membuktikan bahawa dia telah melakukan kesalahan syurb, melainkan jika ia dapat membuktikan sebaliknya,

47. Apabila seseorang tertuduh itu tidak boleh dihukum dengan hukuman hudud kerana saksi-saksi telah menarik balik keterangan mereka sebagaimana yang diperuntukkan dibawah seksyen 43atau kerana tertuduh menarik balik iqrarnya sebagaimana yang diperuntukan dibawah seksyen 45 atau kerana keterangan yang ada tidak memenuhi syarat-syarat yang dikehendaki untuk membuktikan kesalahan hudud, maka tertuduh bolehlah dihukum dengan hukuman ta'zir; pihak mahkamah hendaklah mengambil tindakan menjatuhkan hukuman itu sekiranya ada keterangan yang cukup bagi maksud itu.

BAHAGIAN IV
Bagaimana Hukuman Dilaksanakan

48. Hukuman hudud yang dikenakan dibawah Enakmen ini tidak boleh digantung, diganti dengan hukuman lain, atau dikurangkan atau diampunkan, atau dengan apa-apa lain diubah atau dipinda.

49. Tiap-tiap hukuman yang mengenakan hukuman hudud dan tiap-tiap hukuman bunuh yang dikenakan sebagai hukuman qisos atau hukuman ta'zir dibawah Enakmen ini hendaklah dirujukkan oleh Mahkamah Bicara Syariah Khas yang menjatuhkan hukuman itu kepada Mahkamah Rayuan Syariah Khas untuk mendapat pengesahan, dan hukuman yang dijatuhkan itu tidak boleh dilaksanakan sebelum pengesahan itu diperolehi.

50. Sesuatu hukuman hudud yang dijatuhkan, selain daripada hukuman bunuh dan rejam, tidak boleh dilaksanakan melainkan pesalah telah diperiksa oleh seorang pegawai perubatan yang beragama Islam dan diakui oleh pegawai itu bahawa pesalah itu adalah sihat.

51. Jika seseorang pesalah itu bersalah kerana melakukan beberapa kesalahan, maka hukuman yang akan dilaksanakan keatasnya adalah seperti berikut:

(a) Jika hukuman-hukuman itu adalah daripada jenis dan keparahan yang sama maka hanya satu hukuman sahaja hendaklah dijalankan;

(b) Jika hukuman-hukuman itu adalah daripada jenis yang sama, tetapi keparahannya tidak sama maka hukuman yang lebih berat sahaja hendaklah dijalankan;

(c) Jika hukuman-hukuman itu adalah daripada jenis yang berlainan, maka semua hukuman itu hendaklah dijalankan; dan

(d) Jika salah satu hukuman-hukuman itu adalah hukuman bunuh, maka semua hukuman yang lain hendaklah diketepikan

52. (1) Hukuman potong tangan bermakna memotong tangan dipergelangan tangan; iaitu disendi yang menyambungkan tapak tangan dengan lengan

(2) Hukuman potong kaki bermakna memotong dibahagian tengah kaki itu supaya tumit kaki boleh lagi digunakan untuk berjalan atau berdiri.

53. Hukuman sebat hendaklah dilaksanakan dengan mengikut kaedah-kaedah yang ditetapkan dalam jadual V.

54. Hukuman rejam tidak boleh dilaksanakan keatas pesalah perempuan yang sedang hamil sehinggalah dia melahirkan anaknya, dan selepas dia menjadi suci daripada darah nifas dan kembali sihat semula untuk menjalani hukuman itu, dan jika sekiranya dia menyusukan anaknya, maka hukuman rejam tidak boleh dijalankan sehingga genap dua tahun penyusuan anaknya, melainkan ada seseorang ibu susu yang sanggup menyusukan anak itu dalam tempoh yang tersebut.

55. Hukuman sebat tidak boleh dilaksanakan keatas pesalah perempuan yang hamil sehinggalah dia melahirkan anaknya, dan selepas dia menjadi suci daripada darah nifas dan kembali sihat untuk menjalani hukuman itu dengan tidak ada bahaya.

BAHAGIAN V
Peruntukan Umum

56. (1) Tertakluk kepada subsekyen (2), Enakmen ini hendaklah terpakai ke atas tiap-tiap orang Islam yang mukallaf mengenai apa-apa kesalahan yang dilakukan olehnya dalam negeri Kelantan.

(2) Tidak ada apa-apa dalam Enakmen ini yang menghalang seseorang yang bukan Islam daripada membuat pilihan supaya Enakmen ini terpakai ke atasnya mengenai apa-apa kesalahan yang dilakukan olehnya dalam negeri Kelantan dan sekiranya seseorang bukan Islam itu membuat pilihan sedemikian, maka peruntukkan Enakmen ini, hendaklah, mutatis mutandis terpakai ke atasnya seperti juga peruntukkan-peruntukkan tersebut terpakai ke atas orang Islam.

57. Jika sesuatu kesalahan itu dilakukan sebagai hasil daripada atau kerana menurut persubahatan, pertolongan,komplot atau rancangan jahat, maka tiap-tiap orang yang bersubahat, menolong, mengambil bahagian dalam komplot atau rancangan jahat untuk melakukan kesalahan itu adalah bersalah melakukan kesalahan itu dan hendaklah dihukum dengan hukuman penjara sebagai hukuman ta'zir selama tempoh yang tidak lebih daripada sepuluh tahun.

58. Apabila sesuatu kesalahan itu dilakukan oleh beberapa orang bagi mencapai niat bersama mereka semuanya, tiap-tiap seorang daripada mereka adalah bertanggungjawab ke atas kesalahan itu sama seperti seolah-olah kesalahan itu telah dilakukan oleh seorang dan boleh dihukum dengan hukumanpenjara sebagai hukuman ta'zir selama tempoh yang tidak melebihi sepuluh tahun.

59. Jika beberapa orang yang mengambil bahagian melakukan kesalahan sariqah, tiap-tiap seorang daripada mereka hendaklah dihukum dengan hukuman hudud, seolah-olah tiap-tiap seorang daripada mereka itu melakukan kesalahan itu sahaja:

Dengan syarat bahawa bahagian yang diperolehi daripada harta curi oleh tiap-tiap seorang daripada mereka apabila

dibahagikan sama rata di antara mereka sama dengan atau melebihi dengan nilai nisab.

60. Sesiapa yang mencuba melakukan kesalahan dibawah Enakmen ini hendaklah dihukum dengan hukuman penjara sebagai hukuman ta'zir selama tempoh yang tidak melebihi sepuluh tahun.

61. Apabila seseorang itu telah dibicarakan atau menghadapi apa-apa prosiding kerana melakukan kesalahan dibawah Enakmen ini, maka dia tidaklah boleh dibicarakan dan tiada apa-apa prosiding boleh diambil terhadapnya dibawah kanun keseksaan mengenai kesalahan yang sama atau serupa yang diperuntukan dibawah kanun itu .

62. (1) Semua kesalahan-kesalahan dibawah Enakmen ini dan peruntukan-peruntukan mengenai hendaklah ditafsirkan mengikut hukuman syarak dan duluan-duluan yang didapati dalam hukum itu; dan rujukan kepada hukum itu hendaklah dibuat mengenai apa-apa yang tidak diperuntukan dalam Enakmen ini.

(2) Jika timbul sebarang persoalan atau pertikaian dalam memberi erti sesuatu perkataan, perbahasan atau rangkaikata mengenai hukum syarak, mahkamah yang membicarakan kes itu hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk membuat tafsiran kepada perkataan, perbahasan atau rangkaikata sedemikian itu.

BAHAGIAN VI

Mahkamah

63.(1) Hendaklah ditubuhkan Bicara syariah khas dan Mahkamah Rayuan syariah Khas.

(2) Mahkamah Bicara Syariah Khas hendaklah mempunyai bidang kuasa membicarakan kesalahan-kesalahan di bawah Enakmen ini.

(3) Mahkamah Rayuan Syariah khas hendaklah mempunyai bidang kuasa mendengar rayuan mengenai apa-apa keputusan Mahkamah Bicara Syariah Khas.

64. Mahkamah-mahkamah yang menubuhkan di bawah seksyen 63 adalah tambahan kepada Mahkamah-mahkamah syariah yang

ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Mahkamah syariah 1982, dan peruntukan-peruntukan Enakmen yang tersebut dalam perkara-perkara mengenai Mahkamah-mahkamah di bawah Enakmen ini, melainkan peruntukan-peruntukan itu bercanggah dengan Enakmen ini, atau tidak dimaksudkan oleh peruntukan-peruntukan Enakmen ini.

65. Enakmen Acara Jenayah Syariah 1983 hendaklah terpakai kepada semua prosiding mahkamah-mahkamah sama ada dengan atau tanpa apa-apa pengubahsuaian yang difikirkan patut oleh Mahkamah-mahkamah memandangkan kepada kepentingan keadilan.

66. Apabila bersidang untuk membicarakan sesuatu kesalahan di bawah Enakmen ini, Mahkamah Bicara Syariah khas hendaklah dianggotai oleh tiga orang hakim yang mana dua orang daripada mereka hendaklah terdiri daripada ulamak; dan perbicaraan itu hendaklah dipengerusikan oleh salah seorang daripada hakim-hakim tersebut.

67. Apabila Mahkamah Rayuan Syariah Khas bersidang untuk mendengar sesuatu rayuan yang dibuat ke atas keputusan atau hukuman Mahkamah Bicara Syariah khas,maka Mahkamah Rayuan syariah khas hendaklah dianggotai oleh lima orang hakim yang mana tiga orang daripada mereka hendaklah terdiri daripada ulamak dan persidangan itu hendaklah dipengerusikan oleh salah seorang daripada hakim-hakim tersebut.

68. Seseorang yang sedang atau pernah memegang jawatan hakim Mahkamah Tinggi Malaya atau Borneo atau mahkamah Agung Malaysia atau sesiapa juga yang mempunyai kelayakan untuk dilantik menjadi hakim mana-mana Mahkamah tersebut adalah layak untuk dilantik menjadi hakim; manakala ulamak yang layak dilantik menjadi hakim ialah seorang yang sedang atau pernah memegang jawatan Qadhi Besar atau Mufti kerajaan atau sesiapa juga yang mempunyai kelayakan untuk memegang jawatan tersebut dan dikenali masyurnya mempunyai pengetahuan yang mendalam dalam bidang hukum Syarak.

69. (1) Hakim-hakim hendaklah dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia al-Sultan dengan Surat Tauliah Perlantikan yang ditandatangani dan dimeteri dengan Mohornya selepas berunding dengan suruhanjaya Perkhidmatan Negeri dan

Jumaah Ulama dan sebagainya tambahan Baginda boleh berunding dengan mana-mana pihak berkuasa, badan atau sesiapa yang difikirkan patut dan munasabah; dan perlantikan itu hendaklah disiarkan dalam Warta

(2) Dalam membuat perlantikan di bawah subseksyen (1), Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan hendaklah menentukan sama ada yang dilantik itu ialah Ketua Hakim Mahkamah Rayuan Syariah Khas, Hakim Besar Mahkamah Bicara Syariah Khas atau Hakim Mahkamah Bicara Syariah Khas.

70. Prinsip kebebasan kehakiman adalah berkuatkuasa kepada mahkamah-mahkamah ini dan tiap-tiap orang hakim yang dilantik dibawah Enakmen ini adalah bebas daripada gangguan oleh mana-mana pihak atau sesiapa.

71. (1) Tiap-tiap orang hakim berhak memegang jawatan sehingga dia sendiri meletakan jawatan itu; melainkan sebelum dia terpaksa berhenti kerana tak sempurna akal atau kerana sakit yang hendaklah diakui oleh tidak kurang daripada tiga orang pakar perubatan, atau kerana didapati oleh sesuatu Suruhanjaya Kehakiman, yang bebas melakukan sesuatu kesalahan yang menjadikan dia tidak layak menjadi hakim.

(2) Pakar-pakar perubatan dan suruhanjaya Kehakiman yang bebas itu hendaklah dilantik oleh Kebawah Duli Yang Mulia Alsultan selepas berunding dengan mana-mana pihak yang berkuasa, atau badan atau sesiapa juga yang difikirkan patut dan munasabah.

(3) Kesalahan yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah suatu kesalahan disisi Undang-Undang sekular atau hukum syarak dan bukti terhadapnya hendaklah terang dan jelas.

72. (1) Gaji, elaun dan keistimewaan-keistimewaan lain hakim-hakim hendaklah dibayar sebagai satu tanggungjawab kepada Kumpulan Wang Negeri. Yang Disatukan dan hendaklah tidak kurang daripada gaji, elaun dan keistimewaan-keistimewaan lain hakim-hakim Mahkamah Tinggi Malaya, Borneo atau Mahkamah Agung Malaysia.

(2) Badan Perundangan Negeri boleh membuat Undang-Undang untuk menentukan gaji, elaun dan keistimewaan-keistimewaan lain, hakim-hakim mahkamah-mahkamh yang ditubuhkan dibawah Enakmen ini .

JADUAL II

Seksyen 38 (a)

Jumlah irsy yang dikenakan bayarannya kerana melakukan itlaf al-Udhw dan itlaf-solahiyyatu al-udhw adalah seperti beriku:

Jenis Cedera
Jumlah Irsy

1. Kehilangan anggota yang tunggal
   Seperti hidung atau lidah
   satu diyat

2. Kehilangan anggota yang berpasang
   jika satu pasang yang
   Seperti tangan, kaki, mata, bibir
   cedera, tetapi ½ diyat jika satu
   Buah dada dan telinga sahaja yang cedera.
   Satu diyat

3. Kehilangan anggota yang berempat
   jika satu anggota sahaja
   Seperti bulu mata atau kelopak mata
   yang cedera ½ diyat dua anggota
   lain cedera. ¾ diyat jika tiga anggota yang cedera
   dan satu diyat jika
   kesemua keempat anggota itu cedera.
   ¼ diyat

4. Sebatang jari tangan atau jari kaki
   1/10 diyat

5. Satu sendi jari
   1/30 diyat

6. Satu sendi ibu jari
1/20 diyat

7. Sebatang gigi yang bukan
Gigi susu
1/20 diyat

8. Dua puluh batang gigi
1 diyat

9. Sebatang gigi susu
irsynya sebanyak mana yang
Ditentukan oleh mahkamah

10. Mencabut kesemua rambut dikepala,
Janggut, misai, bulu kening dan 1 diyat
Dimana-mana dibadan.

JADUAL III
Seksyen 38 (b)

Jumlah irsy dan lama tempoh penjara yang dihukumkan kerana melakukan syajjah (cedera dikepala atau muka)

Jenis Cedera
Jumlah Irsy
Tempoh Penjara

1. Syajjah khafifah (cedera yang sebanyak mana yang di
tidak melebihi 2 tahun Tidak mendedahkan tulang tentukan oleh
mahkamah.

2. Syajjah mudhihah (cedera yang
Mendedahkan tulang tetapi tiada
Ada patah)
1/20 diyat tidak melebihi selama lima tahun

3. Syajjah hashimah (cedera yang
Melibatkan patah tetapi tidak ter
gelincah sendi)
1/10 diyat tidak melebihi lima tahun

4. Syajjah munaqilah (cedera yang
Melibatkan patah dan tergelincah sendi)
3/20 diyat tidak melebihi sepuluh tahun

5. Syajjah ma'munah(cedera yang
Melibatkan pecah tempurung kepala
Tetapi lukanya hanyalah menyentuh
3/10 diyat tidak melebihi sepuluh tahun
Kulit otak sahaja dengan tidak
Mencarikkannya)

6. Syajjah dan mighah (cedera yang
melibatkan pecah tempurung kepala
½ diyat tidak melebihi empat belas tahun dan lukanya
mencarikkan kulit otak

JADUAL IV
Seksyen 38 C

Jumlah irsy dan lama tempoh penjara kerana melakukan jurh (luka dibahagian badan yang lain daripada kepala dan muka itu ada meninggalkan parut)

Jenis Cedera
Jumlah Irsy
Tempoh Penjara

1. Jaifah (luka yang
Menembusi bahagian dalam 1/3 diyat
tidak melebihi sepuluh tahun
Kepada batang tubuh)

2. Ghair jaifah
(luka yang lain daripada jaifah)
iaitu:

   a. damiyah (carik kulit sebanyak mana yang
   tidak melebihi tiga tahun
   dan berdarah)ditentukan oleh Mahkamah.

   b. badh'aih (luka yang sebanyak mana yang
   tidak melebihi tiga tahun tidak mendedahkan
   menentukan oleh Mahkamah. tulang)

c. mutalahimah (luka yang sebanyak mana yang tidak melebihi tiga tahun sampai kedaging)menentukan oleh Mahkamah

d. mudhihah (luka yang sebanyak mana yang tidak melebihi lima tahun mendedahkan tulang)menentukan oleh Mahkamah

e. hashimah (patah yangsebanyak mana yang tidak melebihi lima tahuntidak menggelincahkan sendi) menentukan oleh Mahkamah

f. munaqqilah (patah yang sebanyak mana yang tidak melebihi tujuhtahun menggelincahkan sendi) menentukan oleh Mahkamah

JADUAL V
Seksyen 53
Kaedah-kaedah Hukuman Sebat

1. Kaedah-kaedah dalam jadual ini hendaklah diapaki untuk melaksanakan hukuman sebat dibawah seksyen 53 Enakmen ini.

2. Hukuman sebat yang dijalankan ke atas seorang pesalah hendaklah dijalankan oleh seorang pegawai yang ditugaskan khas oleh pihak berkuasa penjara di tempat dan pada masa yang diarahkan oleh Mahkamah dan hendaklah dihadiri dan disaksi oleh seorang pegawai perubatan Islam dan sekurang-kurangnya empat orang Islam sebagai saksi; dengan syarat bahawa sebelum hukuman itu dijalankan pesalah itu hendaklah diperiksa oleh pegawai perubatan itu dan disahkan sebagai sihat dan berupaya menjalani hukuman sebat itu.

3. Tiada hukuman sebat boleh dijalankan ke atas seseorang pesalah melainkan setelah tamat tempoh 14 hari selepas daripada tarikh hukuman itu dijatuhkan; dan jika ada rayuan hukuman itu hendaklah dijalankan dalam tempoh yang seberapa segera selepas daripada hukuman itu disahkan oleh Mahkamah Rayuan Syariah Khas.

4. Hukuman sebat itu hendaklah dijalankan dengan cara pegawai tersebut memukul pesalah itu dengan rotan yang mana ukurannya (kecuali dalam kes yang sebut dalam kaedah B (2) (ii)) ialah satu meter panjang dan satu sentimeter garis pusat (diameter).

5. Hukuman sebat itu hendaklah dijalankan dengan cara membahagikan pukulan dimerata-rata tubuh badan kecuali muka, kepala, dada dan kemaluan.

6. Hukuman sebat itu hendaklah dijalankan dengan cara pukulan yang sederhana yang mana pegawai yang menjalankan hukuman itu tidaklah boleh mengangkat rotan penyebat tinggi itu hingga keparas kepalanya; dan pukulan itu hendaklah diberi berturut-tururt dan tidak melebihi bilangan yang diperintahkan oleh mahkamah.

7. Ketika menerima sebatan, pesalah itu hendaklah berdiri dan memakai pakaian nipis dan menutup auratnya mengikut hukum syarak.

8. (1) Jika dalam masa sebatan itu dijalankan, pesalah itu didapati tidak mampu atau tidak berupaya lagi menerima sebatan, maka atas pengesahan pegawai perubatan itu, sebatan itu hendaklah diberhentikan dengan serta merta dan ditangguhkan sehingga mahkamah memberi satu arahan baru untuk menyambung semula hukuman sebat itu; dan buat sementara waktu pesalah itu hendaklah ditahan dalam penjara atau dibebaskan dengan jaminan.

(2) Arahan itu hendaklah dibuat dengan berpandukan kepada laporan pegawai perubatan seperti berikut:

(i) Sekiranya mengikut laporan itu pesalah itu ada harapan sembuh daripadanya sakitnya, maka hukuman sebat itu hendaklah disambung semula dengan seberapa segera apabila ia pulih daripada sakitnya, dan

(ii) Sekiranya mengikut laporan itu pesalah itu tidak ada harapan sembuh daripada sakitnya, walaupun sakitnya itu, maka hukuman sebat itu hendaklah diteruskan juga disuatu masa yang sesuai tetapi rotan yang akan digunakan untuk menyambung hukuman sebat itu hendaklah terlebih ringan dan terlebih kecil yang ditetapkan dibawah kaedah 4.

HURAIAN

1. Rang Undang-Undang ini bertujuan ini untuk melaksanakan Undang-Undang Jenayah Syariah.

PERMULAAN

2. Fasal 1 adalah mempunyai tajuk ringkas

3. Fasal 2 adalah mengenai tafsiran

4. Fasal 3 memperkatakan tentang pembahagian kesalahan-kesalahan dibawah Enakmen ini kepada kesalahan-kesalahan hudud, qisos dan ta'zir

BAHAGIAN I
Kesalahan-kesalahan Hudud

5. Fasal 4 memperkatakan tentang jenis-jenis kesalahan hudud.

6. Fasal- Fasal 5,6 dan 7 memperkatakan tentang kesalahan sariqah dan hukuman baginya.

7. Fasal- Fasal 8 dan 9 memperkatakan tentang kesalahan hirabah dan hukuman baginya.

8. Fasal-Fasal 10 11 memperkatakan tentang kesalahan zina dan hukuman baginya.

9. Fasal-Fasal 12 dan 13 memperkatakan tentang kesalahan qasaf dan hukuman baginya.

10. Fasal-Fasal14 dan15 memperkatakan tentang li'an dan akibatnya.

11. Fasal-Fasal 16,17 dan 18 memperkatakan tentang kesalahan liwat dan hukuman baginya.

12. Fasal 19 memperkatakan tentang kesalahan musahaqah dan hukuman baginya.

13. Fasal 20 memperkatakan tentang ittiyan almaitah dan hukuman baginya.

14. Fasal 21 memperkatakan tentang kesalahan ittiyan albahimah dan hukuman baginya.

15. Fasal 22 memperkatakan tentang kesalahan syurb dan hukuman baginya.

16. Fasal 23 memperkatakan tentang kesalahan irtidad atau riddah.

BAHAGIAN II
Qisos

17. Fasal 24 bertujuan untuk memperuntukan tentang applikasi qisos dan diyyat bagi kes yang menyebabkan kematian manusia dan kecederaan badan.

18. Fasal 25 memperkatakan tentang jenis-jenis kesalahan menyebabkan kematian.

19. Fasal-fasal 26 dan 27 memperkatakan tentang kesalahan qatl-al-am dan hukuman baginya.

20. Fasal 28 bertujuan untuk membuat peruntukkan mengenai pengampunan bagi hukuman qisos.

21. Fasal 29 bertujuan untuk memperuntukkan hukuman ta'zir sebagai ganti kepada hukuman qisos

22. Fasal-fasal 30 dan 31 memperkatakan tentang kesalahan qatl-syibhi-al 'amd dan hukuman baginya

23. Fasal-fasal 32 dan 33 memperkatakan tentang qatl-al khatar dan hukuman baginya

24. Fasal-fasal 34 dan 35 memperkatakan tentang kesalahan menyebabkan kecederaan badan dan hukuman baginya

25. Fasal 36 bertujuan untuk memperuntukkan jenis-jenis kecederaan badan bagi tujuan menghukum

26. Fasal 37 bertujuan untuk memperuntukkan kes-kes bagaimana hukuman qisos tidak boleh digunakan

27. Fasal 38 bertujuan untuk memperuntukkan tentang akibat apabila hukuman-hukuman qisos tidak dikenakan

BAHAGIAN III

28. Fasal 39 bertujuan untuk membuat peruntukkan tentang bagaimana membuktikan kesalahan-kesalahan dibawah Enakmen ini.

29. Fasal 40 memperkatakan tentang bilangan saksi-saksi membuktikan semua kesalahan dibawah Enakmen ini

30. Fasal 41 memperkenalkan tentang syarat-syarat jadi saksi

31. Fasal 42 dan 43 memperkatakan tentang keterangan

32. Fasal-fasal 44 dan 45 memperkatakan tentang iqrar

33. Fasal 46 memperkatakan tentang keterangan qarinah

34. Fasal 47 bertujuan untuk membuat peruntukkan mengenai hukuman ta'zir sebagai ganti hukuman hudud apabila keterangan tidak memenuhi syarat-syarat untuk membuktikan kesalahan hudud.

BAHAGIAN IV
Bagaimana Hukuman Dijalankan

35. Fasal 48 bertujuan untuk memperuntukkan bahawa hukuman hudud tidak boleh diubah.

36. Fasal 49 memperkatakan tentang pengesahan hukuman hudud dan hukuman mati oleh Mahkamah Rayuan Syariah Khas sebelum hukuman tersebut dilaksanakan

37. Fasal 50 memperkatakan tentang pemeriksaan perubatan sebelum hukuman dilaksanakan

38. Fasal 51 bertujuan untuk membuat perlantikan tentang bagaimana hendak melaksanakan beberapa hukuman

39. Fasal 52 memperlatakan tentang hukuman memotong tangan dan kaki

40. Fasal 53 memperkatakan tentang cara melaksanakan hukuman sebat

41. Fasal 54 bertujuan untuk memperuntukkan penangguhan hukuman rejam bagi perempuan yang hamil dan menyusukan anak

42. Fasal 55 memperkatakan tentang hukuman sebat ke atas perempuan hamil

BAHAGIAN V
Peruntukkan Umum

43. Fasal 56 memperkatakan tentang pemakaian Enakmen ini ke atas tiap-tiap orang Islam yang mukallaf

44. Fasal-fasal 57 dan 58 memperkatakan tentang bersubahat dan komplot melakukan kesalahan serta niat yang sama

45. Fasal 59 memperkatakan tentang kesalahan sariqah berkumpulan

46. Fasal 60 memperkatakan tentang melakukan kesalahan

47. Fasal 61 memperkatakan tentang keadaan dalam mana prosiding dibawah Kanun Keseksaan tidak boleh diambil

48. Fasal 62 bertujuan untuk memperuntukkan bahawa kesalahan dibawah Enakmen ini hendaklah ditafsirkan mengikut hukum syarak

BAHAGIAN VI
Mahkamah

49. Fasal-fasal dibawah bahagian ini memperkatakan tentang Mahkamah Bicara Syariah Khas, Mahkamah Rayuan Syariah Khas dan perlantikan hakim-hakim serta perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang umumnya belum dapat ditentukan sekarang.